

Dr Sheikh Muszaphar terpilih ke ISS

Sinar Harian m/s N 5 10. 10. 07

Pelancaran bermula jam 9.21 malam ini. Dr Faiz dihantar menyertai misi angkasa bagi sesi 2008/09.

DR Sheikh Muszaphar Shukor, 35, dipilih oleh Jawatankuasa Pemilihan Angkasawan Agensi Angkasa Russia (ROSCOSMOS) sebagai angkasawan pertama Malaysia untuk misi ke angkasa lepas hari ini.

Doktor bedah ortopedik berusia 35 tahun dari Universiti Kebangsaan Malaysia yang berasal dari Seremban itu akan berada 10 hari di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).

Beliau akan berlepas bersama Komander Peggy Whitson dari Amerika Syarikat dan jurutera penerbangan Yuri Malenchenko dari tapak pelancaran Baikaonur Cosmodrome pada pukul 7.21 malam waktu tempatan (9.21 malam waktu Malaysia).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata pemilihan Dr Sheikh Muszaphar berasaskan pencalonan asal oleh Malaysia kepada ROSCOSMOS yang men-

calonkan Dr Sheikh Muszaphar sebagai calon pertama dan Kapten Dr Faiz Khaleed, 27, sebagai calon kedua.

Selain itu jawatankuasa berkenaan mengambil kira laporan semua komponen dan pihak yang terlibat dalam melatih kedua-dua angkasawan itu, katanya.

Beliau berkata, semasa keputusan itu diumumkan, Dr Sheikh Muszaphar dan Dr Faiz serta krew masing-masing turut hadir.

Katanya, mesyuarat setengah jam itu juga bersejua supaya Dr Faiz dihantar menyertai misi angkasa bagi sesi 2008/09 dan sementara itu dibenarkan turut berlatih di Pusat Latihan Angkasawan Yuri Gagarin, di Star City, Moscow, Russia.

Jamaludin berkata, beliau akan mengemukakan cadangan mesyuarat itu mengenai Dr Faiz kepada Kabinet sekembalinya dari pelancaran misi itu.

Beliau bagaimanapun tidak menolak kemungkinan berlakunya pertukaran krew misi dalam tempoh empat jam sebelum pelancaran.

"Saya juga telah mengucapkan terima kasih bagi pihak kerajaan Malaysia kepada Rusia kerana men-



SHEIKH MUSZAPHAR

jadikan misi ini berjaya, yang amat bersejarah sempena kemerdekaan negara kita.

"Ia juga amat signifikan bagi Russia kerana tahun ini sempena 50 tahun negara itu menghantar satelit pertamanya buatan manusia (Sputnik)," katanya kepada wartawan Malaysia selepas dimaklumkan oleh mesyuarat jawatankuasa itu di sini semalam.

Program angkasawan negara itu adalah persetujuan timbal-balik pembelian 18 jet pejuang Sukhoi SU-30 MKM bernilai RM3.4 bilion dari Russia dan ditandatangani pada 5 Ogos 2003. **BERNAMA**